

13/12/1999

Pelbagai pihak sambut baik barisan Kabinet baru

KOTA BHARU, Ahad - Pelbagai pihak di Kelantan mengalu-alukan barisan Kabinet baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diumumkan dua hari kerana turut menampilkan individu profesional dalam pelbagai bidang.

Bagaimanapun, mereka agak kecewa apabila tidak ada seorang pun wakil dari Kelantan dalam Kabinet itu yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan kemasukan arus pembangunan perdana di negeri ini.

Penolong Setiausaha Persatuan Penulis Tumpat (Pesisir), Daud Muda, berkata walaupun wakil dari Kelantan tidak disenaraikan dalam pembentukan Kabinet itu, namun perhatian khusus harus diberikan di negeri itu oleh Kerajaan Pusat.

"Kita tidak kesal dengan ketiadaan pemimpin Kelantan dalam Kabinet kerana itu kehendak rakyat. Sebab itu mereka menolak kepemimpinan kerajaan Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum, pada 29 November lalu.

"Bagaimanapun, kita mengharapkan segala bentuk bantuan yang sebelum ini disalurkan tetap dilakukan seperti biasa walaupun pemerintahan negeri ini adalah Pas," katanya.

Pendapat itu disokong oleh Setiausaha Persatuan Pelindung Pengguna Kelantan (Pelindung), Azman Jaafar, yang menganggap barisan kepemimpinan Kabinet baru sekarang walaupun tidak diwakili pemimpin Kelantan, tetap sama.

Menurutnya, seorang menteri tidak semestinya menumpukan sesuatu projek pembangunan atau peruntukan kepada rakyat dalam negeri asal mereka, sebaliknya bertanggungjawab penuh kepada seluruh masyarakat di negara ini.

"Saya berharap ia tidak berlaku demikian dan sebelum ini pun tidak pernah berlaku sikap diskriminasi atau pilih kasih. Cuma kali ini Kelantan tidak mempunyai sesiapa lagi untuk bergantung harapan.

"Lainlah dahulu kita ada Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali," katanya.

Pengerusi Gerakan Belia 4B Kubang Panjang, Pasir Mas, Kamaruddin Abdullah, berkata kemantapan barisan Kabinet baru itu diharap memenuhi cita rasa seluruh rakyat terutama ketika negara menghadapi pelbagai cabaran menjelang abad ke-21.

Sambil menyifatkan pemimpin terbabit sebagai 'mudah berkira' beliau berharap tumpuan lebih perlu diberikan kepada beberapa golongan seperti belia dan rakyat di kawasan pedalaman serta luar bandar selaras dengan perkembangan negara alaf baru.

"Golongan ini yang memerlukan perhatian lebih dan harus diubah cara kehidupan mereka. Sebab ketika negara memasuki abad ke-21, kadar pengangguran dan kemiskinan yang tinggi boleh menjejaskan nama baik negara pada pandangan dunia.

"Insya-Allah, pemimpin baru ini boleh melakukannya dan dapat menunaikan tanggungjawab dengan sempurna sebagaimana dikehendaki oleh Perdana Menteri," katanya.

(END)